



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pusat Peperiksaan LPKKKP
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 | Emel : wecare[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (53)

Tarikh : 03 Oktober 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN IAQ DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) IAQ

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN SOALAN & FORMAT BAHARU PEPERIKSAAN PENAKSIR KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ)

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Kompetensi Penaksir Kualiti Udara Dalaman (IAQ) dibawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) telah bersetuju agar soalan baharu peperiksaan IAQ berdasarkan akta dan perundangan terkini dengan merujuk modul baharu IAQ yang diluluskan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kepada Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) dan format peperiksaan IAQ baharu seperti yang telah diluluskan oleh LPKKKP akan digunakan bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

3. Berikut format peperiksaan IAQ baharu :

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	50%	60%	RM200
	B	Soalan Struktur	2	1 jam 30 minit	50%		
		Soalan Esei	1				
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	-	60%	RM100
	B	Pembentangan	-	10 minit	-	60%	RM200
		Sesi Soal & Jawab	-	20 minit			
3	-	Praktikal	-	40 minit	-	55%	RM200
JUMLAH							RM700

NOTA:

*Kertas 2

- Calon baharu perlu menduduki kedua-dua bahagian Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) dalam satu sesi peperiksaan yang sama.
- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 2.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana Bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.

4. Rujukan situasi calon:

- a) Calon peperiksaan yang masih berstatus Belum Lengkap (masih dalam tempoh 2 tahun untuk melengkapkan peperiksaan dari tarikh peperiksaan pertama) perlulah melengkapkan peperiksaan pada tahun 2025 sehingga lulus.
- b) Sekiranya calon masih berstatus Belum Lengkap sehingga sesi peperiksaan tahun 2025 tamat dan masih sah dalam tempoh dua (2) tahun yang ditetapkan, calon perlu mengulang peperiksaan menggunakan format peperiksaan IAQ dan soalan baharu bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

5. Syarat dan Format Peperiksaan IAQ baharu boleh dimuat turun menerusi laman sesawang NIOSH. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.

6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pekerja Kesuma Bangsa

Saya yang menjalankan amanah,



BAHRUDIN BIN MAMAT

Pengerusi

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)